



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUASAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MELALUI
PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT:
SATU KAJIAN KES

BAVANI A/P NANDAKUMAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KEPIMPINAN PEDAGOGI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar tingkatan empat menerusi pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Dalam konteks kajian ini, strategi-strategi yang melibatkan KBAT, penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran yang melibatkan KBAT, proses pembelajaran yang pelajar lalui dalam konteks penguasaan KBAT dikaji. Sebanyak empat orang guru dan 24 orang pelajar dari dua buah sekolah terlibat dalam kajian ini. Data telah diperoleh menerusi kaedah pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, kaedah temu bual dengan para guru dan pelajar serta melalui kaedah analisa dokumen, iaitu buku rekod guru. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar adalah pada tahap minimum. Kebanyakan guru tidak jelas tentang kaedah menerapkan unsur KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Rancangan pengajaran yang melibatkan KBAT tidak disediakan tetapi ada mencatatkan objektif Kemahiran Berfikir dalam Rancangan Mengajar Harian. Apabila dilihat dari segi strategi yang digunakan, hanya satu kelas daripada kesemua kelas yang telah diperhati melibatkan pelajar dalam aktiviti bagi menyampaikan pengajaran. Namun guru-guru yang dikaji ada mengemukakan soalan-soalan yang berunsurkan KBAT. Latihan bertulis yang berunsurkan KB ada juga diberikan oleh setiap guru kepada pelajar. Penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran juga tidak memuaskan. Oleh hal yang demikian, pembelajaran kognitif tidak berlaku dan pembelajaran aktif kurang berlaku. Ini bergantung kepada kedudukan kelas dan juga sesuatu topik pengajaran. Unsur KBAT ini kurang ditekankan disebabkan oleh beberapa kekangan seperti kekangan bahasa dalam kalangan pelajar cina, kekangan masa dan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pelajar hanyalah didedahkan dengan fakta mata pelajaran sejarah menyebabkan mereka tidak dapat memiliki kemahiran abad ke -21. Walaupun guru dan pelajar memang arif akan kepentingan KBAT, tetapi agak susah untuk melaksanakannya disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi dan guru perlu melatih dan memperkayakan diri sendiri dengan kemahiran pedagogi mereka bagi mempelbagaikan strategi pengajaran yang melibatkan unsur KBAT di samping dapat meningkatkan respon pelajar.





MASTERY OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS THROUGH THE LEARNING OF HISTORY SUBJECT AMONG FORM FOUR STUDENTS: A CASE STUDY

ABSTRACT

This study aims to identify the level of higher order thinking skills among form four students through the learning of history subject. In this study, strategies involving HOTS, students' engagement in the learning process that involves HOTS, the learning process that students go through in the context of mastering HOTS were studied. A total of four teachers and 24 students from two schools are involved in the study. Data was collected through observations of teaching and learning in the classroom, based on interviews with teachers and students, and through analysis of documents, which is the record book for teachers. The findings demonstrate mastery of higher order thinking skills among students is at a minimum. Most teachers are not clear about the methods to adopt HOTS elements in the teaching and learning process. The lesson plans involving HOTS have not been prepared but there are recorded objectives of incorporating thinking skills in their Daily Teaching Plan. When viewed in terms of the strategies used, only one class among those had been observed was seen engaging students in activities to deliver content of the topic. Besides, the teachers also prompted questions that characterized HOTS. Written HOTS exercises have also been given by each teacher to the students. The participation of students in the learning process is also unsatisfactory. Therefore, cognitive learning did not happen and active learning was observed to be less effective. The element of HOTS is less stressed due to some constraints such as language among Chinese students, time constraints and examination-oriented teaching. The implication of the study also shows that students are exposed to the history facts which are unable to produce students with 21st century skills. Even though teachers and students are really aware of the importance of HOTS, but they find it difficult to implement due to the problems faced and the need to train teachers and teachers must enrich themselves with their pedagogical skills to diversify teaching strategy involving HOTS elements as well as to improve the response of students in learning process.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL vii

SENARAI RAJAH viii

SENARAI SINGKATAN ix

SENARAI LAMPIRAN x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Mata Pelajaran Sejarah dan Kemahiran Berfikir 8

1.3 Penyataan Masalah 13

1.4 Objektif Kajian 17

1.5 Persoalan Kajian 17

1.6 Kerangka Konseptual 18

1.7 Kesignifikan Kajian 21

1.8 Definisi Istilah Kajian 24



1.8.1	Kemahiran Berfikir	24
1.8.1.1	Jenis-jenis Kemahiran Berfikir	25
1.8.1.1.1	Pemikiran Aras Tinggi	25
1.8.1.1.2	Pemikiran Aras Rendah	26
1.8.2	Komponen-komponen Kemahiran Berfikir	27
1.8.3	Pembelajaran	28
1.8.4	Kemahiran Pemikiran Sejarah	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	32
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran KBAT	34
2.4	Penglibatan Pelajar dan Penguasaan KBAT	38
2.5	Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah	40
2.6	Perkaitan Antara Pembelajaran Sejarah dengan Kemahiran Berfikir	42
2.7	Kemahiran Pemikiran Sejarah	43
2.8	Kepentingan Menguasai Kemahiran Berfikir	45
2.8	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka bentuk Kajian	48
3.2.1	Kajian Kes	50
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	51



3.4 Instrumen Kajian	53
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	54
3.5.1 Peringkat Pertama : Kebenaran	55
3.5.2 Peringkat Kedua : Penjelasan mengenai kaedah dan objektif kajian	55
3.5.3 Peringkat Ketiga : Pemerhatian	56
3.5.4 Peringkat Keempat : Temu Bual	56
3.5.5 Peringkat kelima : Analisis Dokumen	57
3.6 Penganalisan Data	57
3.7 Etika	59
3.7.1 Prinsip dan prosedur beretika dalam menjalankan kajian	61
3.7.1.1 Hubungan dua hala dan kesamaan status	61
3.7.1.2 Ketelusan	62
3.7.1.3 Kebebasan	62
3.7.1.4 Keadilan	63
3.7.1.5 Perundingan	63
3.7.1.6 Kerahsiaan	64
3.7.1.7 Akauntabiliti	64
3.8 Rumusan	65

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Apakah strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran KBAT dalam mata pelajaran sejarah	66
4.1.1	Pengenalan	66
4.1.2	Cikgu Subha	69





4.1.3	Cikgu Chin	75
4.1.4	Cikgu Fatimah	82
4.1.5	Cikgu Rosmah	86
4.1.6	Rumusan Analitik	90
4.1.7	Perbincangan	91
4.2	Bagaimanakah penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran mata pelajaran sejarah di dalam bilik darjah dan perkaitannya dengan penguasaan KBAT?	92
4.2.1	Pengenalan	92
4.2.2	Cikgu Subha	94
4.2.3	Cikgu Chin	102
4.2.4	Cikgu Fatimah	108
4.2.5	Cikgu Rosmah	116
4.2.6	Rumusan Analitik	122
4.2.7	Perbincangan	123
4.3	Apakah proses pembelajaran yang dilalui pelajar dalam mata pelajaran sejarah berkaitan dengan penguasaan KBAT?	125
4.3.1	Pengenalan	125
4.3.2	Cikgu Subha	126
4.3.3	Cikgu Chin	129
4.3.4	Cikgu Fatimah	132
4.3.5	Cikgu Rosmah	136
4.3.6	Rumusan Analitik	141
4.3.7	Perbincangan	143



BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	146
5.2 Rumusan	147
5.3 Implikasi	149
5.4 Cadangan	151
5.4.1 Guru	151
5.4.2 Penggubal Dasar	153
5.4.3 Kajian Lanjutan	154
5.5 Penutup	155

RUJUKAN	157
---------	-----

LAMPIRAN	163
----------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Jenis-jenis Pembelajaran Bloom	29
3.1 Sumber Data Berdasarkan kepada Persoalan Kajian	49
3.2 Proses pengkodan dapatan kajian	58
4.1 Strategi-strategi Yang Digunakan Oleh Para Cikgu Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah	67
4.2 Penglibatan pelajar dalam proses p&p mata pelajaran sejarah dan perkaitannya dengan penguasaan KBAT	93





SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual : Teknik Pengumpulan Data	19
1.2 Proses Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pembelajaran sejarah di dalam kelas dan Taksonomi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi .	20





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A1 Protokol temu bual bagi guru
- A2 Protokol temu bual bagi murid
- B1 Profil kelas dan Protokol pemerhatian kelas 1
- B2 Profil kelas dan Protokol pemerhatian kelas 2
- B3 Profil kelas dan Protokol pemerhatian kelas 3
- B4 Profil kelas dan Protokol pemerhatian kelas 4





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Abad ke-21 ini membawa masyarakat dunia ke satu lagi fasa penganjakan paradigma kehidupan, iaitu kepada satu dunia baru. Ini meliputi penganjakan daripada masyarakat perindustrian kepada masyarakat berinformasi, penggunaan teknologi manusia kepada penciptaan teknologi tinggi, pemusatan kuasa kepada pengagihan kuasa, konsep hierarki kepada konsep jaringan, ekonomi tempatan kepada ekonomi antarabangsa dan perancangan jangka pendek kepada perancangan jangka panjang (Mumtaz Begam, Norasiken Bakar & Norhayatee Ismail, 2002).





Kemajuan dalam bidang komunikasi ini juga telah memberikan pengaruh yang besar kepada keadaan sosial, pentadbiran, perubatan, hubungan antarabangsa, pengangkutan dan sebagainya tidak terkecuali bidang pendidikan yang menjadi teras kepada perubahan dunia abad ke-21 ini (Tajul Ariffin, Mohd Noordin & Nor Aini, 2002).

Bidang pendidikan khususnya di negara kita terus berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang perlu dilihat oleh semua pihak. Cabaran yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang harus dimiliki oleh generasi kini. Kebanyakan kemahiran abad ke-21 adalah berdasarkan kepada pendedahan terhadap ICT. Jika dahulu, literasi cuma merangkumi membaca, menulis, dan mengira, literasi abad ke-21 melibatkan literasi digital (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).



Antara kemahiran-kemahiran yang harus dimiliki oleh para pelajar dalam menghadapi dunia abad ke-21 ini termasuklah berupaya membuat hubungkait, bijak menyoal, yakin berkomunikasi, mengambil risiko, dahagakan ilmu, ingin tahu, menjana idea, fleksibel, tidak berputus asa, mendengar dan membuat refleksi, berkemahiran kritis, menguasai kemahiran literasi, berani mencuba, mampu berfikir sendiri, membuat inisiatif, mampu bekerja dengan orang lain, membuat perubahan, berintegriti dan berkepribadian tinggi (Roslee Talip, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat & Shukri Zain, 2011).





Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, keperluan kepada kreativiti rakyatnya adalah lebih mendesak. Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi dan komunikasi telah memberikan kesan kepada cara hidup penduduk Malaysia di mana mereka mula mengamalkan cara hidup yang lebih canggih. Oleh itu, keperluan mereka kepada latihan dan pendidikan serta kreativiti turut meningkat kerana mereka memerlukan banyak bimbingan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan yang berlaku.

Kenyataan tersebut juga selaras dengan kenyataan para pemimpin, ahli perniagaan, saintis, ahli sejarah, pendidik dan ahli psikologi yang menyatakan bahawa kreativiti sangat diperlukan dalam menjalani hidup dalam era globalisasi ini di mana perubahan, cabaran dan persaingan sedang dan akan terus berlaku (Mohd Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunus, 2008).

Cabaran Negara Malaysia waktu ini adalah untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi bagi menghadapi persaingan dengan negara lain yang melibatkan aspek daya saing dari segi perindustrian, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud, 2008).

Ini menuntut Negara Malaysia membangunkan sumber tenaga manusia yang berketerampilan tinggi dalam pelbagai bidang dan berdaya saing (Jamil, Ahmad & Norlia Goolamally, 2008).





Dalam Persidangan Pendidikan Nasional Ke-5, dalam tahun 1997 yang lalu, natijah persidangan menunjukkan dua cabaran besar alaf baru ialah ledakan ilmu yang berbentuk global dan masalah sosial yang perlu ditangani dan diatasi ke arah membentuk masyarakat madani. Justeru itu, agenda penting untuk membangun rakyat Malaysia melalui sistem pendidikan pertama ialah pembinaan budaya ilmu dan keduanya ialah pembudayaan masyarakat.

Ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Ilmu membina kekuatan minda ke arah daya fikir tinggi (high order thinking) dan daya kreatif dalam kalangan individu dan bangsa. Semua agama dan sistem sosial manusia mahukan ahlinya menguasai ilmu pengetahuan sama ada untuk kebahagiaan duniawi dan ukhrawi.



Wan Mohd Nor Wan Daud (2010) menjelaskan Budaya Ilmu bermaksud kewujudan satu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung mahupun tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan keilmuan di setiap kesempatan dan keadaan di mana segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi di peringkat masyarakat, diputus dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan.

Mengikut beliau lagi, budaya ilmu ialah satu budaya yang meletakkan nilai tertinggi dan asas kepada ilmu pengetahuan sebagai kunci segala kebaikan dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.





Para pendidik perlu sedar bahawa dalam usaha negara menghadapi masa depan yang penuh saingan, pendidikan adalah bersifat futuristik, maka kita hendaklah mampu menyediakan generasi muda kita untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan berupa masyarakat industri, ekonomi yang global, kebanjiran teknologi tinggi dan sentiasa bertambah canggih, penggunaan komputer sebagai keperluan urusan harian dan limpahan maklumat sejagat.

Kita perlu lahirkan generasi berilmu untuk berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global dan teknologi yang terkini, serta berupaya menangani gelombang perkembangan dan perubahan masa kini (Mohamad Muda, 1998).



Tuntutan abad ke-21 dilandaskan kepada tuntutan Wawasan 2020 dan Wawasan Pendidikan. Selari dengan tuntutan-tuntutan tersebut penyediaan sumber manusia berkualiti hendaklah dihasilkan oleh sistem pendidikan kita.

Oleh hal yang demikian, dalam dunia yang kian kompleks dan canggih ini, memiliki kebolehan dan kemahiran untuk berfikir secara berkesan adalah sangat penting (John, 1992) di mana kekuatan sesuatu ilmu itu terletak pada tahap ilmu dan kemahiran yang dikuasai oleh rakyat tersebut (Rajendran, 2001). Bagi menangani perubahan dan cabaran baru di peringkat global maka negara kita juga tidak terlepas dari memperkenalkan dasar-dasar baru dalam bidang pendidikan.





Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, Malaysia telah melakukan satu anjakan besar untuk membangunkan satu sistem pendidikan yang berkualiti. Pada awal abad ke-21, beberapa perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan Malaysia telah berlaku.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang mempunyai ciri-ciri dan memiliki kemahiran-kemahiran yang harus dimiliki oleh para pelajar dalam menangani cabaran-cabaran abad ke-21 ini.

Selain itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperkenalkan pada tahun 2013 yang merupakan satu pelan strategik jangka panjang yang mensasarkan kualiti pendidikan Negara dipertingkatkan dalam tempoh 13 tahun (2013-2025) dengan pelaksanaan transformasi pendidikan secara menyeluruh.

Pendidikan pada abad ini lebih mencabar dan mestilah berupaya melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif, mampu menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritikal. Seseorang pelajar itu haruslah menyemai budaya pemikiran kreatif dan kritikal dalam diri mereka. Ia menjadi semakin jelas bahawa graduan universiti tidak akan mendapat sesuatu pekerjaan tanpa kemahiran insaniah.

Ini adalah disebabkan oleh cabaran-cabaran kehidupan seharian tidak dapat dihadapi dengan hanya memiliki pengetahuan yang cukup tetapi juga kemahiran mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pelbagai situasi. Menurut bekas Menteri





Sumber Manusia Malaysia, Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (2010), pencapaian akademik semata-mata tidak memadai bagi seseorang untuk mendapat sesuatu pekerjaan.

Malaysia mengamalkan satu sistem pendidikan yang selaras iaitu penggunaan sukatan mata pelajaran bagi setiap mata pelajaran adalah sama di seluruh negara. Salah satu objektif pendidikan Sekolah Menengah adalah untuk mengembangkan dan menggalakkan kapasiti intelektual mereka dengan pemikiran rasional, kritikal dan kritis.

Bagi melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif, mampu menyelesaikan masalah, memupuk dan mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan dan berfikir secara kritikal dan berkualiti, mengelakkan kesilapan berfikir secara terburu-buru, sempit, kabur dan bercelaru, pengajaran kemahiran berfikir di Malaysia telah diperkenalkan.

Di Malaysia, kemahiran berfikir mula diberi penekanan sewajarnya dalam pendidikan terutamanya selepas penggubalan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Seiring dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah merintis projek percubaan pelaksanaan kemahiran berfikir merentas kurikulum pada tahun 1992/3 (Lee, 1993).

Bertitik tolak dari situ, satu garis panduan yang sistematik telah dikeluarkan untuk memudahkan para pendidik melaksanakan kemahiran berfikir secara berkesan (Busrah Bin Maulah, 1999).





Dalam menekankan lagi kepentingan mengajar kemahiran berfikir banyak usaha yang telah diambil kira dalam kalangan para penyelidik dan pendidik dalam mengajar kemahiran berfikir dan terdapat juga usaha dalam menggunakan pengajaran kemahiran berfikir dalam semua mata pelajaran yang diajar kepada semua pelajar.

Pengajaran kemahiran berfikir ini adalah dilakukan dengan sangat jelas di samping mata pelajaran yang diajar di sekolah. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dalam bilik darjah adalah penting bagi guru-guru, menggunakan teori-teori yang dapat membantu pembentukan pemikiran di samping mempunyai pendedahan mengenai pendekatan, strategi, teknik dan alat untuk mengajar kemahiran berfikir.

Terdapat pelbagai usaha secara berterusan yang dilakukan di Malaysia dalam mengajar kemahiran berfikir. Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah mula menekankan kepentingan pengajaran kemahiran berfikir sejak tahun 1990-an lagi. Mata pelajaran Sejarah juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan pengamalan pengajaran kemahiran berfikir.

1.2 Mata Pelajaran Sejarah dan Kemahiran Berfikir

Kini, kurikulum sejarah telah disemak semula serta disasarkan ke hala tuju yang selaras dengan senario abad ke-21 yang penuh dengan cabaran serta bersifat global. Dalam konteks ini, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2000), telah menggariskan beberapa perkara dalam mencorak kurikulum sejarah:





Mestilah bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat yang ditentukan dan apakah profil seseorang bangsa Malaysia yang akan dibentuk untuk menjadi warga Negara Malaysia. Warganegara bagi abad ke-21 mestilah dapat menangani cabaran yang akan dibawa oleh globalisasi, ledakan ilmu dan maklumat. Warganegara ini mesti juga dapat merancang masa depan mereka berasaskan peristiwa sejarah supaya mereka dapat membuat pilihan yang bijak, sesuai dengan budaya dan nilai-nilai setempat. Dengan itu unit kekeluargaan, nilai masyarakat dan identiti sebagai masyarakat Malaysia perlu dipertahankan dan diperkukuhkan. Selain itu, perancangan kurikulum ini juga perlu melanjutkan kesinambungan wawasan Negara bagi membina identiti kebangsaan iaitu membentuk



bangsa Malaysia yang berwibawa dan berimej tinggi di mata antarabangsa. Perpaduan perlu dijadikan fokus utama supaya Malaysia menjadi model dalam memperlihatkan ‘kesatuan’ masyarakat yang berbilang kaum. Kurikulum abad ke-21 perlu mengambil kira isu-isu semasa di dalam dan diluar Negara supaya mereka dapat mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Dengan ini bangsa kita tidak leka dan menjaadi rapuh serta terhakis dengan perubahan-perubahan yang pesat.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000)

Dapat dilihat bahawa, sukatan pelajaran bagi mata pelajaran sejarah ini dibentuk berdasarkan kepada perkembangan arus di mana sukatan pelajaran yang dibentuk adalah selaras dengan senario abad ke-21.





Ini bertujuan semata-mata untuk menyediakan warga Malaysia yang dapat menghadapi cabaran abad ke-21 di samping membentuk profil seseorang bangsa Malaysia dan identiti kebangsaan di mata antarabangsa terutamanya dari segi perpaduan.

Matlamat kurikulum Sejarah dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah edisi 2000 secara jelas menyatakan :

Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia Negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan Sejarah tanah air dan Sejarah Negara luar yang berkaitan, para pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan Negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan Negara Malaysia. Pendidikan sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa Sejarah sebagai kerangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000)

Matlamat utama kurikulum sejarah adalah untuk mewujudkan perpaduan. Semangat perpaduan ini dapat diwujudkan apabila masyarakat kita lebih-lebih lagi para pelajar memahami peristiwa bersejarah tanah air dan negara luar dan menghayatinya. Dengan ini, mereka dapat berfikir secara rasional dalam membuat sebarang keputusan





dan tidak hanya bertindak dengan mengikut perasaan semata-mata. Selain itu, kurikulum Sejarah edisi 2000 ini juga menggariskan sembilan objektif :

- i) Menyatakan kepentingan sejarah sebagai satu disiplin ilmu dan mengamalkannya sebagai pendidikan sepanjang hayat serta mampu berdikari.
- ii) Menjelaskan perkembangan masyarakat dan Negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
- iii) Menghuraikan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- iv) Menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan Negara.
- v) Memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan Negara.
- vi) Menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian daripada peradaban dunia dan sumbangannya di peringkat antarabangsa.
- vii) Mengambil iktibar daripada pengalaman sejarah untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan.
- viii) Mengamalkan nilai-nilai murni.
- ix) Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000)





Kemahiran Berfikir telah lama diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran dan dikenali sebagai kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK) (Rajendran, 2010). Beberapa dokumen khusus bagi memantapkan pelaksanaan Kemahiran Berfikir telah dihasilkan untuk beberapa mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Sains, Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni, dan Kajian Tempatan.

Namun pelaksanaan ini masih belum mantap dan kurang diberi penekanan. Pendedahan yang berterusan dan sistematik diperlukan agar guru dapat memperluas pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran.

Penerapan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan negara ke arah *K-ekonomi*. Dalam kurikulum KSSR dan KBSM yang disemak semula, Kemahiran Berfikir adalah antara unsur utama yang diberikan penekanan dan dinyatakan secara tersurat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Dalam mencapai matlamat-matlamat yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, beberapa transformasi yang telah berlaku antaranya adalah tranformasi dari segi kurikulum sejarah, status mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah, dalam orientasi kaedah pengajaran guru (Abd. Malek Selamat, 2004). Tetapi, sejauh manakah penekanan terhadap pengajaran kemahiran berfikir ini dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah ini?

